

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]

TARIKH : 26 MEI 2016 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan mempertimbangkan pindaan Akta Mahkamah Kehakiman 1964 agar pendefinisian bidang kuasa Mahkamah Persekutuan dalam penentuan rayuan tidak dihadkan hanya kepada bidang kuasa yang sama dengan Mahkamah Tinggi.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk meminda pendefinisian bidang kuasa rayuan Mahkamah Persekutuan di bawah Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [*Akta 91*]. Mahkamah Persekutuan adalah mahkamah tertinggi dan terakhir ("*apex court*") dalam sistem Kehakiman Negara. Oleh itu, bidang kuasa rayuan Mahkamah Persekutuan adalah lebih luas daripada Mahkamah Tinggi.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bidang kuasa rayuan Mahkamah Persekutuan adalah seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 121 (2)(a) dan 128 (3) Perlembagaan Persekutuan iaitu untuk memutuskan rayuan daripada Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi. Bidang kuasa rayuan Mahkamah Tinggi pula adalah seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 121(1) Perlembagaan Persekutuan iaitu untuk memutuskan kes-kes rayuan dari Mahkamah Majistret dan Mahkamah Sesyen.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN MANIVANAN A/L
GOWINDASAMY [KAPAR]**

TARIKH : 26 MEI 2016

SOALAN :

**YB Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta PERDANA
MENTERI menyatakan :-**

- (a) apakah rasional Kerajaan Persekutuan menganjurkan “PERMATA International Conference 2016” di PWTC dari 31 Mei 2016 sehingga 2 Jun 2016. Berapakah jumlah kos perbelanjaan untuk menganjurkan persidangan 3 hari tersebut; dan
- (b) senaraikan secara terperinci apakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh Kerajaan Persekutuan melalui bidang PERMATA iaitu Permata Negara, Permata Pintar, Permata Seni, Permata Insan, Perkasa Remaja, Permata Kurnia dan Hospital Pakar Kanak-Kanak Permata, secara khusus untuk setiap satu bidang sejak ianya diperkenalkan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara rasional bagi penganjuran "PERMATA International Conference 2016 (PIC2016)" yang akan diadakan di PWTC pada 31 Mei sehingga 2 Jun 2016 adalah:
- (i) memberi penekanan mengenai peri pentingnya perkhidmatan pendidikan serta intervensi berkualiti kepada kanak-kanak dan remaja merentasi kumpulan umur;
 - (ii) bermatlamat untuk memupuk kesedaran masyarakat dan menambah pemahaman mereka terhadap pembangunan pertumbuhan optimum kanak-kanak; dan
 - (iii) menjadi wadah kepada ketujuh-tujuh bidang PERMATA untuk berkongsi inisiatif serta amalan terbaik mereka di dalam memastikan setiap bidang mencapai objektif pelaksanaannya.

Kos penganjuran keseluruhan persidangan ini adalah secara perkongsian antara Yayasan PERMATA Malaysia dan sumbangan tajaan daripada penaja korporat serta menggunakan peruntukan sedia ada Bahagian PERMATA, JPM.

Kos penganjuran persidangan meliputi perkara seperti sewaan dewan, makan minum dan keperluan seminar untuk peserta seramai 1700 orang, tambang perjalanan dan penginapan serta bayaran saguehati bagi Pembentang Ucap Utama, penceramah jemputan, ahli panel dan moderator persidangan, dan taraf tetamu kerajaan yang meliputi penginapan dan hospitaliti bagi isteri Ketua-ketua negara dan wakil yang hadir.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat enam (6) Program PERMATA yang memberikan perkhidmatan pendidikan dan intervensi iaitu:

1. Program PERMATA Negara;
2. Program PERMATA Pintar;
3. Program PERMATA Insan;
4. Program PERMATA Seni;
5. Program Perkasa Remaja; dan
6. Program PERMATA Kurnia.

I. Program PERMATA Negara

Program PERMATA Negara merupakan Program Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak PERMATA yang menawarkan pendekatan alternatif dalam bidang asuhan dan didikan awal yang memberi peluang kepada kanak-kanak di bawah umur empat (4) tahun untuk mengalami proses pembelajaran awal yang berkualiti bersesuaian dengan fitrah mereka.

Pada tahun 2014, Program PERMATA Negara juga telah membangunkan Sistem Jaminan Kualiti PERMATA Negara bagi melihat keberkesanan pelaksanaan Program PERMATA Negara oleh agensi pelaksana dan seterusnya memberikan pengiktirafan kualiti kepada agensi pelaksana yang layak.

Di samping itu bagi memantapkan pelaksanaannya, Program PERMATA Negara telah membangunkan instrumen untuk mengenalpasti tahap kepintaran kanak-kanak di bawah usia 5 tahun dan telah berjaya mengintegrasikan elemen STEM (*Science, Technology, Engineering and Mathematics*) dalam proses pembelajarannya.

Sehingga kini, seramai 18,824 kanak-kanak telah mendapat manfaat dengan mengikuti Program PERMATA Negara di hampir 800 buah TASKA PERMATA kelolaan Kerajaan dan pihak swasta.

II. Program PERMATA Pintar

Program PERMATA PINTAR adalah inisiatif yang bagi mengenalpasti dan membangunkan keupayaan kanak-kanak yang dikenalpasti sebagai pintar dan berbakat terutama dalam Sains dan Matematik.

Kolej PERMATA Pintar menyediakan keperluan pembelajaran unik bagi membina keupayaan ke tahap optima dan Sijil Tinggi PERMATA Pintar telahpun diterima bagi kemasukan ke universiti di Amerika Syarikat dan United Kingdom. Sehingga kini seramai 240 pelajar Kolej PERMATA Pintar telah berjaya melanjutkan pelajaran

ke universiti-universiti terkemuka di dalam dan luar negara seperti John Hopkins, Cornell, Cambridge dan lain-lain.

Bagi perkhemahan cuti sekolah, seramai 5821 pelajar pintar dari dalam dan luar negara telah mengikuti pekhemahan khas 2 kali setahun sejak mula dilaksanakan pada tahun 2009.

III. Program PERMATA Insan

Program PERMATA Insan diperkenalkan bagi mengenalpasti pelajar Islam pintar yang mempunyai kecerdasan yang tinggi dalam memahami, mentafsir, menghafaz dan mengaplikasi al-Quran dan as-Sunnah sebagai teras membentuk cendekiawan muda Islam dari usia 8 tahun.

Pelajar PERMATA Insan telah menyertai beberapa pertandingan dan memenangi pelbagai pingat dan anugerah dalam pertandingan tersebut di dalam dan luar negara

IV. Program PERMATA Seni

Program PERMATA Seni merupakan usaha bagi membangunkan keupayaan dan bakat luar biasa kanak-kanak melalui aktiviti seni bagi menggilap bakat dan meningkatkan kebolehan seni mereka dalam bidang koir, tarian dan muzik. Program ini mengenalpasti

bakat kanak-kanak dari umur 8-15 tahun berpotensi tinggi dalam bidang seni.

Pelajar PERMATA Seni telah memenangi pelbagai pingat dan anugerah dalam pertandingan muzik di dalam dan luar negara. Malahan ada kanak-kanak PERMATA Seni telah diberikan biasiswa penuh untuk melanjutkan pelajaran ke institusi muzik terkemuka di dunia seperti Julliard Institute of Music, New York.

V. Program Perkasa Remaja

Program Perkasa Remaja diwujudkan bagi menyelami pelbagai isu remaja untuk merumuskan rancangan bersepadu bagi melahirkan generasi muda yang berani, dinamik, suka bersaing dan berkeyakinan. Menerusi beberapa strategi pemeraksanaan yang merangkumi penyelidikan, intervensi dan pewujudan pangkalan data, projek Perkasa Remaja direalisasikan sebagai strategi bersepadu berdasarkan prinsip pembangunan remaja positif bagi menangani isu yang berleluasa yang melibatkan remaja berisiko, dan sebagai sambungan program PERMATA. Program ini terbahagi kepada 2 iaitu:

a) Komuniti Perkasa Remaja

Komuniti Perkasa Remaja adalah satu program yang dibangunkan khusus untuk membantu remaja dalam masyarakat yang terpinggir menghadapi dan menangani

cabaran hidup, melalui penyertaan mereka dalam satu siri aktiviti dan pengalaman progresif di peringkat komuniti.

Semenjak program ini diperkenalkan pada tahun 2010, seramai 3275 orang remaja telah menyertai program ini.

b) Kem Perkasa Remaja

Program ini bertujuan membantu remaja memulihkan tabiat delinkuen seperti merempit, lumba haram, melepak sepanjang malam, mencuri motosikal dan lain-lain. Melalui Kem Perkasa, pembangunan emosi, spiritual, dan intelek remaja akan ditekankan secara bersepadu dengan menggunakan pendekatan holistik. Sehingga kini sebanyak 8 siri Kem Perkasa Remaja telah diadakan dengan penyertaan seramai 259 orang remaja yang terlibat dengan aktiviti rempit dan lain-lain.

VI. Program PERMATA Kurnia

Program PERMATA Kurnia merupakan program yang menyediakan perkhidmatan intervensi dan pendidikan awal khusus untuk kanak-kanak yang mengalami autisme dari umur 2 hingga 7 tahun serta pendidikan komuniti. Pada masa ini terdapat sebuah Pusat PERMATA Kurnia yang mempunyai kapasiti seramai 300 orang kanak-kanak autisme.

Sekian, terima kasih.